

FPP BizNewz

June - November 2022

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

Endometriosis

Sejauh Mana Kesedaran Anda?

Personal Shopper

What You Need To Know

Sustainable Packaging in eCommerce

A Few Solutions to Protect the Planet

Type text here

How To Teach Your Children To Pack Their Backpacks For Travel? An Easy Guide

A Short Vacay in Hat Yai

My Sister, My Best Friend

Kredit Mikro di Malaysia

H0BI



Publication Date
8 November 2022

Photo by Matt Chambers on Unsplash



DAUN PISANG

Elemen Estetika Pembungkusan

Syahrul Hezrin Mahmud

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu

Emel: syahr400@uitm.edu.my (Corresponding Author)

Pagi ini penulis berkesempatan menikmati sarapan pagi dengan hidangan nasi lemak yang dibungkus dengan alas daun pisang sambil menikmati panoramayangmenghijauanugerah Allah di belakang rumah. Penulis selalunya lebih teruja menikmati hidangan yang dibungkus dengan elemen daun pisang. Walaupun hidangan itu tidak terlalu sedap, namun elemen daun pisang tersebut mampu menambah perisa membangkit selera.

Penulis masih ingat ketika kecil dulu banyak pokok pisang hidup subur di belakang rumah walaupun dibiarkan sendiri ia dapat hidup berdikari. Pisang benggala atau dikenali pisang galle di Terengganu, mendominasi populasi pisang di situ ketika itu. Walaupun tidak enak dimakan begitu sahaja, spesis pisang ini membiak begitu cepat sekali sebagaimana sesetengah etnik pendatang tanpa izin di Malaysia. Usahawan atau penjaja jualan dari rumah ke rumah atau kini lebih popular atau dikenali

sebagai Cash on Delivery (COD), selalu datang untuk membeli daun pisang ini dan kaedah urusaniaga yang dipakai ketika itu adalah menggunakan konsep layan diri di mana mereka perlu mengambil sendiri daun tersebut di pokok. Daun pokok pisang ini akan dijadikan pembungkus utama produk yang berupa juadah seperti nasi dagang, nasi lemak dan kuih-muih yang lain.

Ketika bulan Ramadan, pisang galle ini sering dijadikan acar masak untuk pembuka selera berbuka puasa dan bersahur. Walau bagaimanapun Ramadan di kala pandemik baru-baru ini, penulis gagal menikmati hidangan acar pisang galle ini kerana langsung tidak kelihatan di Internet sebarang promosi untuk perkhidmatan COD untuk menu ini.

Selain digunakan untuk alas packaging atau pembungkus nasi lemak, daun pisang ini juga digunakan untuk membentuk bungkusan atau klosong nasi dagang. Harga se"klosong" nasi dagang adalah sekitar 20 sen pada

tahun 80-an melalui konsep jualan COD tanpa tempahan secara online.

Ketika era pentadbiran kerajaan Negeri Terengganu yang berslogankan Tiada Halangan, Hanyalah Peluang, Memahat Sejarah, Mencipta Tamadun, diberitakan seorang pemandu kereta F1 legenda dunia telah menikmati hidangan nasi dagang beralaskan daun pisang di sebuah hotel terkemuka di Terengganu. Beliau amat berpuas hati dengan nasi dagang tersebut namun agak kecewa dengan tekstur dan rasa salad "daun pisang" yang agak keras dan pahit. 7

Walaupun hanya berperanan sebagai packaging, peranan daun pisang ini amat signifikan dalam strategi pemasaran terutamanya sebagai taktik promosi. Ianya merupakan salah satu daya tarikan untuk pelanggan dan sesetengah usahawan menjadikan ianya unique selling proposition melalui promosi nasi daun pisang, banana leaf restaurant dan lain lain lagi. Daun pisang akan kekal sebagai daya tarikan dalam dunia kulinari masakan Melayu, meskipun hanya sebagai alas ataupun pembalut makanan.



Gambar: Daun pisang alas pembungkus nasi lemak



BizNewz 2022
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com